


Penguasaan Melayu belum seimbang

BH - 12/2/2007

Usahawan mesti bijak memanfaatkan insentif, skim disediakan kerajaan



Nota Niaga

Bersama

Datuk Mohd Nasir Ahmad

E-mel: nasir_ahmad@punb.com.my

MENINGKATKAN pembabitan orang Melayu dalam bidang perniagaan dan keusahawanan terus menjadi cabaran besar kerajaan dan orang Melayu sendiri. Kita tidak perlukan statistik untuk mempercayai bahawa dalam kebanyakan bidang perniagaan, orang Melayu masih golongan minoriti.

Lihat saja kawasan komersial di setiap bandar besar dan kita akan mendapati bilangan pekedai dan peniaga Melayu masih sedikit kecuali peringkat penjaja. Bilangan usahawan Melayu di setiap peringkat rantaian bekalan masih belum mencerminkan kedudukan Melayu sebagai majoriti rakyat negara kita.

Namun kita harus juga mengakui bahawa bilangan usahawan Melayu memberanikan diri berniaga dan bersaing di pasaran sudah mula bertambah. Usaha menggalakkan orang Melayu menjadi usahawan sudah lama bermula iaitu sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada 1970.

Usaha ini masih berterusan hingga sekarang kerana tahap pencapaian orang Melayu masih di bawah sasaran. Peluang perniagaan memang banyak, hasil daripada kemajuan ekonomi negara dan ini memberi peluang kepada ramai usahawan Melayu. Namun penguasaan orang Melayu dalam perniagaan tetap di belakang masyarakat Cina.

Ada sebilangan orang Melayu berjaya menjadi usahawan besar dan membanggakan. Dua hari lalu, laporan sebuah akhbar menyenaraikan 30 bilionaire negara yang mana lapan daripadanya orang Melayu. Bagaimanapun 20 daripada mereka adalah keturunan Cina dan dua berketurunan India.

Laporan mengenai kekayaan mereka ini dikira bersandarkan maklumat mengenai nilai pasaran pegangan mereka dalam syarikat tersenarai di bursa saham pada akhir tahun lalu. Ini bermakna nilai harta dan pinjaman peribadi mereka tidak

INTI PATI

- Usaha menggalakkan Bumiputera menyertai perniagaan masih berterusan kerana tahap pencapaian orang Melayu masih di bawah sasaran.
- Banyak agensi dan institusi telah diwujudkan untuk membantu masyarakat Melayu dan Bumiputera lain menjadi usahawan.
- Kerajaan berkaitan pembangunan usahawan memberi lebih tumpuan kepada usahawan Melayu kerana golongan ini masih ketinggalan.
- Falsafah usahawan Melayu yang mahukan persediaan lengkap dari segi fizikal menyebabkan wujud keperluan besar kepada modal kewangan sebelum bermula.
- Bermula secara kecil-kecilan menerusi dan jatuh bangun dalam perniagaan adalah pengalaman paling berguna kepada peniaga.

diambil kira.

Kemasukan lapan orang Melayu dalam senarai ini menunjukkan 26.7 peratus adalah orang Melayu. Jumlah kekayaan untuk 30 orang ini adalah RM117.15 bilion. Namun jumlah kekayaan lapan orang Melayu ini hanyalah RM9.947 bilion atau 8.5 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Kita juga perhatikan dari laporan itu walaupun hanya dua orang berketurunan India atau 6.7 peratus, jumlah kekayaan dua orang ini adalah RM19.52 bilion atau 16.7 peratus. Jika dikira kedudukan dari segi nilai kekayaan, jelas penguasaan orang Melayu paling sedikit.

Laporan seperti ini hanya mengesahkan apa yang sudah kita ketahui. Memang hakikatnya penguasaan Melayu dalam kekayaan negara masih tidak seimbang dengan bilangan mereka sebagai majoriti penduduk.

Cara untuk meningkatkan penguasaan orang Melayu ke atas kekayaan negara ialah dengan terus menggalakkan masyarakat Melayu membabitkan diri dalam kegiatan ekonomi negara. Itu sebabnya

usaha menggalakkan pembangunan usahawan Melayu perlu diteruskan dengan giat dan bersungguh-sungguh.

Seperti telah diketahui, memang banyak agensi dan institusi telah diwujudkan untuk membantu masyarakat Melayu dan Bumiputera lain menjadi usahawan. Ada di antara agensi kerajaan seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) diwujudkan khusus untuk membantu Bumiputera menjadi usahawan berjaya.

Baru-baru ini kedengaran suara masyarakat bukan Bumiputera meminta agensi kerajaan terbabit dalam pemberian bantuan kewangan kepada masyarakat usahawan supaya tidak menyetepikan mereka dalam pemberian bantuan kewangan.

Selain dana PUNB, MARA dan beberapa dana tertentu, kebanyakan dana keusahawanan kerajaan memang terbuka kepada semua kaum. Difahamkan dana dan geran Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec) umpamanya lebih banyak dimanfaatkan oleh usahawan Cina berbanding usahawan Melayu.

Kita juga difahamkan beberapa dana disokong oleh Credit Guarantee Corporation (CGC) terus dimanfaatkan oleh usahawan bukan Bumiputera. Ini bermakna soal dana dan tabung kerajaan tidak membantu usahawan bukan Melayu adalah tidak benar.

Oleh kerana kedudukan orang Melayu sebagai golongan usahawan masih di belakang, maka usaha memberi lebih perhatian kepada pembangunan usahawan Melayu seharusnya difahami semua pihak. Walaupun kita akui usahawan bukan Melayu juga perlukan bantuan, mereka ini sebenarnya terus mendapat sokongan sistem perbankan negara dan tabung tertentu kerajaan.

Semua agensi pelaksana kerajaan berkaitan pembangunan usahawan seharusnya terus memberi lebih tumpuan kepada pembangunan usahawan Melayu kerana golongan ini memerlukan sokongan lebih besar kerana sememangnya sudah ketinggalan di belakang.

Pada masa sama usahawan Melayu juga perlu menunjukkan kemampuan dan kesungguhan untuk berjaya dalam perniagaan. Ramai usahawan Melayu suka merungut sukar berniaga kerana kekurangan modal kewangan. Usahawan Melayu

lebih cenderung memulakan perniagaan hanya selepas semua keperluan tersedia.

Falsafah kebanyakan usahawan Melayu ialah persediaan lengkap diperlukan sebelum berniaga. Ini menyebabkan wujud keperluan besar kepada modal kewangan sebelum bermula. Oleh itu bantuan kewangan lebih banyak dibelanjakan untuk keperluan seperti pejabat, peralatan, kenderaan dan sebagainya. Ini menyebabkan kos permulaan agak tinggi.

Usahawan Cina didapati lebih bersedia memulakan perniagaan dengan modal kecil. Falsafah mereka ialah mengenal pasti terlebih dulu apakah produk boleh dinikmati dan bagaimana menembusi pasaran. Setelah ini dikenalpasti, mereka sedia memulakan perniagaan dengan keperluan paling minimum untuk mengurangkan kos permulaan.

Kita sering mendengar cerita bagaimana usahawan Cina memulakan perniagaan di belakang rumah atau menumpang tempat orang lain sebagai permulaan. Ramai dikalangan mereka ini kemudiannya berkembang menjadi usahawan besar hasil usaha bersungguh-sungguh.

Sebenarnya usahawan berjaya, walau apa bangsa pun, hampir semua bermula secara kecil-kecilan. Tidak kurang pula di kalangan mereka ini jatuh beberapa kali sebelum bangun semula dalam perniagaan. Inilah proses harus disedari oleh usahawan untuk berjaya.

Usahawan Melayu hendaklah lebih bijak dalam memikirkan bagaimana hendak memulakan perniagaan. Usahawan memang perlu bercita-cita besar jika ingin berjaya. Namun cita-cita besar ini harus dirancang dalam beberapa peringkat untuk dilaksanakan.

Selain bersedia untuk bermula secara kecil-kecilan, satu lagi ramuan penting ialah memastikan diri mempunyai minat dan keinginan tinggi dalam apa juga perniagaan diusahakan. Seterusnya pastikan ada usaha terancang untuk memperbaiki dan meningkatkan pencapaian.

Usahawan Melayu jangan percaya pandangan bahawa orang Melayu tidak pandai berniaga. Sudah ada di kalangan Melayu membuktikan kemampuan sebagai usahawan. Pandang mereka ini sebagai contoh dan dorongan. Jangan putus semangat hanya kerana kegagalan sebahagian daripada kita.